

04/08/2001

Program perhebat Rakan Muda dirangka

MELAKA, Jumaat - Kementerian Belia dan Sukan akan merangka pelbagai program bagi memperhebatkan kegiatan Rakan Muda pada peringkat akar umbi dalam usaha memerangi gejala sosial.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata berikutan itu pihaknya akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mempertimbangkan peruntukan lebih besar kepada kementerian itu pada pembentangan Belanjawan 2002, Oktober ini.

Katanya, kementerian itu melihat gejala sosial sekarang cukup serius dan terpaksa ditangani secara menyeluruh.

"Salah satu cara ialah memperbanyakkan kegiatan pada peringkat akar umbi untuk memenuhi masa lapang anak muda," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Sukan Untuk Semua (Kesuma) III peringkat kebangsaan di Dataran Sejarah Ayer Keroh dekat sini, petang ini.

Sempena majlis itu, Hishammudin menerima memorandum daripada Jawatankuasa Bertindak Menangani Gejala Sosial Melaka (terhadap perogol, pengedar bahan lucah dan penganut black metal) yang diserahkan oleh Pengerusinya, Idris Haron.

Jawatankuasa itu berharap memorandum yang mengandungi beberapa resolusi akan dapat diserahkan kepada Perdana Menteri untuk dibincangkan dalam mesyuarat menteri kabinet pada 8 Ogos ini.

Antara resolusi itu ialah menerima slogan mewajibkan setiap pelajar menyertai pertubuhan belia dan sukarela.

Hishammuddin berkata, memorandum yang diterima itu akan dikaji serta diteliti.

Selain itu, katanya, beliau akan cuba menerapkan beberapa perkara berbangkit dalam memorandum berkenaan dalam memorandum kementerian kepada Menteri Kewangan nanti.

(END)